



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (4) 01/02

PENYERAHAN FAST INTERCEPTOR CRAFT (FIC) G2000 MK II KEPADA KERAJAAN MALAYSIA DI PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU, SABAH

Kota Kinabalu, 2 Februari 2024 - Majlis Penyerahan 4 buah *Fast Interceptor Craft* (FIC) G2000 Mk II oleh Gading Marine Industry Sdn. Bhd. (GMISB) kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah direalisasikan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah pada hari ini.

YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pertahanan telah menyaksikan dan seterusnya menyempurnakan majlis penyerahan aset baharu oleh Pengarah Urusan Gading Marine GMISB, Dato' Ir Hj Jamalolail bin Mohd Yatim kepada Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob.

Projek perolehan yang dimeterai dengan syarikat GMISB ini merekodkan kesemua 4 buah FIC G2000 Mk II Fasa Pertama ini telah dibina sepenuhnya di fasiliti limbungan GMISB bertempat di Lot A2 Lumut Port Industrial, Mukim Lumut, Jalan Kampung Acheh, Sitiawan, Perak dan ianya telah berjaya disempurnakan dalam tempoh 16 bulan. Perolehan FIC G2000 Mk II ini melibatkan tiga fasa di mana TLDM akan menerima keseluruhan sebanyak 13 buah FIC secara berperingkat.

Terdahulu pada Februari 2021, TLDM telah pun menerima sejumlah 6 buah FIC G2000 Mk I yang mana aset ini turut dibina oleh GMISB melalui Projek Perolehan Operasi Benteng (Op Benteng). Berbanding FIC terdahulu, FIC G2000 Mk II ini adalah unik kerana ianya turut dilengkapi dengan *Remote Control Weapon Station* (RCWS) Escribano yang membolehkan penembakan senjata jenis CANIK M2 Quick Change Barrel (QCB) 12.7mm Heavy Machine Gun (HMG) dilaksanakan secara automatik. FIC G2000 Mk II dengan panjang 18 meter ini juga dilengkapi dengan enjin yang lebih berkuasa dan berkemampuan untuk mencapai kelajuan sehingga 52 knot. Selain itu, susun atur dalaman FIC G2000 Mk II ini juga telah ditambah baik bagi memberikan lebih keselesaan kepada kru ketika melaksanakan operasi.

Aset-aset ini terbukti efektif digunakan dalam membendung dan menyekat kegiatan jenayah rentas sempadan meliputi pengekangan kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), penyeludupan, pelanunan, rompakan laut, pemerdagangan manusia dan pencerobohan nelayan asing terutamanya di perairan yang mempunyai kedalaman terhad atau cetek.

Keempat-empat FIC G2000 Mk II yang diterima ini akan ditempatkan di Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2), Sandakan bagi memperkasakan tahap keselamatan maritim terutamanya di perairan Sabah Timur selain bertindak sebagai aset pelengkap atau 'force multiplier' kepada TLDM.

Turut hadir semasa majlis penyerahan adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham bin* Ishak; Ahli Parlimen Sepanggar, Wakil agensi Kerajaan di Negeri Sabah serta pihak pengurusan tertinggi Tentera Laut Diraja Malaysia.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
2 Februari 2024